

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : **30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

SOALAN

DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk membuka sekurang-kurangnya sebuah bank di bandar Mutiara, Daerah Tebedu.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kewangan sedia maklum bahawa pada masa ini tiada cawangan bank di bandar Mutiara, daerah Tebedu, Sarawak. Walau bagaimanapun, terdapat 2 ejen Bank Simpanan Nasional (BSN) dan 1 ejen Agrobank di sekitar Bandar Mutiara, Mukim Tebedu serta kemudahan sebuah Terminal Layan Diri (atau *Self-Service Terminal, SST*) yang dilengkapi dengan Mesin Pengeluaran Wang (*Automated Teller Machine, ATM*) dan Mesin Deposit Wang (*Cash Deposit Machine, CDM*) milik Bank Rakyat di station Petronas Tebedu. Secara umumnya, faktor-faktor yang diambil kira oleh sesebuah institusi kewangan dalam membuat penilaian bagi pembukaan cawangan antara lain ialah kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran, keperluan serta permintaan perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat.

2. Selain daripada cawangan, terdapat saluran alternatif telah disediakan oleh institusi kewangan bagi menyokong dan meningkatkan penyampaian kemudahan asas perkhidmatan perbankan di kawasan luar bandar. Antaranya termasuk penyediaan ejen bank yang menawarkan beberapa perkhidmatan kewangan asas seperti penyimpanan dan pengeluaran deposit, khidmat pemindahan dana, pembukaan akaun, pembayaran balik pembiayaan dan pembayaran bil utiliti. Ejen bank terdiri daripada entiti perniagaan seperti kedai runcit, stesen minyak, pejabat pos, dan koperasi yang dilantik oleh pihak institusi perbankan seperti BSN, Agrobank, Bank Rakyat, Maybank, RHB Bank dan Bank Islam untuk menyediakan perkhidmatan perbankan asas, terutamanya di kawasan pedalaman. Penggunaan ejen bank untuk melakukan transaksi kewangan adalah memberangsangkan dengan jumlah transaksi ejen bank mencatatkan kenaikan sebanyak 61% semenjak mula beroperasi pada tahun 2012 dan telah mencapai jumlah transaksi sebanyak RM18.5 bilion pada tahun 2020.

3. Di samping itu, inisiatif cawangan bank bergerak dan ATM MEPS bergerak juga telah dilaksanakan di Sarawak yang disertai oleh empat

institusi kewangan iaitu BSN, RHB Bank, Bank Rakyat dan Agrobank. Unit-unit bank bergerak pada peringkat permulaan ini meliputi kawasan-kawasan di sekitar Sungai Asap, Sebauh, Tatau, Nyalau, Kuala Tatau, Asajaya, Sadong Jaya dan Padawan. Pihak Bank Negara Malaysia bersama Kementerian Kewangan sedang berusaha untuk meluaskan inisiatif Bank Bergerak di bawah Pelan PEMULIH yang dijangka dapat memanfaatkan lebih ramai rakyat di kawasan luar bandar Sarawak. Di bawah inisiatif PEMULIH ini, seluruh negeri Sarawak, termasuk mukim Tebedu telah disenaraikan sebagai keutamaan bagi menerima perkhidmatan Bank Bergerak mengikut kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran, keperluan serta permintaan perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat. Antara perkhidmatan perbankan asas yang akan ditawarkan termasuk penyimpanan dan pengeluaran wang, serta khidmat nasihat mengenai perbankan secara digital.

4. Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia juga menggalakkan rakyat untuk melakukan urusan perbankan secara digital, termasuk menerima bayaran bantuan kerajaan melalui akaun bank, di mana transaksi perbankan boleh dilakukan di mana-mana dan pada bila-bila masa sahaja secara selamat. Perbankan digital juga diharap akan dapat meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan kepada kawasan-kawasan luar bandar, agar pengguna di seluruh Malaysia boleh mendapat manfaat daripada akses dan penggunaan perkhidmatan kewangan.

Sekian, terima kasih.